

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[ TITIWANGSA ]

**TARIKH :** RABU, 12 NOVEMBER 2014

**RUJUKAN :** L12 [PR-1323-L63359]

**SOALAN :**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- a) pihak Kementerian telah mengumumkan pada 2013 peruntukan untuk membina 80,000 unit rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan dengan agihan sebanyak 50,000 unit di Kuala Lumpur, 20,000 unit di Putrajaya dan 10,000 unit di Labuan. Sejauh manakah perancangan pembangunan rumah mampu milik ini telah dilaksanakan serta namakan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan; dan
- b) berapakah keluasan tanah-tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang masih belum dibangunkan, dijual atau diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, sehingga kini sebanyak lebih 14,000 unit rumah mampu milik di bawah Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang melibatkan 29 projek menerusi kaedah usahasama dan persendirian telahpun dikenalpasti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini meliputi status yang sedang dibina, mendapat kelulusan Perintah Pembangunan dan juga pertimbangan kelulusan merancang. Antara kawasan-kawasan terlibat yang boleh saya sebut sebagai contoh di sini meliputi kawasan di Setapak Jaya Baru; Alam Damai, Mukim Petaling; Kampung Pandan, Mukim Ampang; Jalan Sungai Besi; Taman Teratai Mewah, Mukim Setapak; Off Jalan Puchong, Mukim Petaling; dan Taman Wahyu, Mukim Batu Kuala Lumpur.

Bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, sebanyak 1,560 unit rumah mampu milik melibatkan 1 projek di dalam peringkat pembinaan di kawasan Kampung Ganggarak. Manakala 636 unit pula telah mendapat kelulusan *Development Order* (DO) melibatkan 3 projek di kawasan Kampung Tanjung Aru, Kampung Ganggarak dan Jalan Tun Mustapha. Dalam pada itu, 500 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang akan dibina oleh Jabatan Perumahan Negara juga turut mendapat kelulusan untuk dibina di Batu Arang, Labuan.

Seterusnya, perancangan perumahan fasa pertama melalui Program Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) di Wilayah Persekutuan Putrajaya pula adalah sebanyak 10,732 unit rumah yang melibatkan 12 projek secara keseluruhan. Sebanyak 6,672 unit melibatkan 7 projek di dalam peringkat pembinaan manakala 4,060 unit melibatkan 5 projek masih di peringkat perancangan.

Bagi perancangan PPA1M di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, perkara ini masih diperingkat awal perancangan bagi mengenalpasti tanah-tanah yang bersesuaian. Buat masa ini hanya satu projek PPA1M yang akan dibangunkan di Bukit Jalil sebanyak 1,536 unit seperti yang telah diucapkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 yang lalu.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, terdapat 25 lot tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang masih belum dibangunkan dan belum mempunyai perancangan pembangunan berkeluasan 41,333.75 meter persegi (10.2 ekar).